

# Cubaan gagalkan RM-8 tidak akan berjaya: PM

Oleh Kadir Dikoh

BH 24 APR 2001

**“Kita tidak merancang saja. Kita sudah melaksanakan rancangan kita dengan jaya. Kita yakin RM-8 juga akan dilaksanakan dengan jaya untuk rakyat dan negara ini,”**

KUALA LUMPUR, Isnin – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad percaya segala percubaan untuk menghalang pelaksanaan Rancangan Malaysia Kelapan (RM-8) akan gagal kerana rakyat bersama kerajaan untuk mempertahankannya.

Perdana Menteri berkata, rekod kerajaan Barisan Nasional (BN) dengan rancangan lima tahunnya adalah jelas untuk semua pihak melihat.

“Kita tidak merancang saja. Kita sudah melaksanakan rancangan kita dengan jaya. Kita yakin RM-8 juga akan dilaksanakan dengan jaya untuk rakyat dan negara ini,” katanya ketika membentangkan rancangan lima tahun itu di Dewan Rakyat hari ini.

Bercakap kepada pemberita kemudian, Dr Mahathir berkata rakyat umumnya akan menerima rancangan pembangunan jangka panjang kerajaan jika tidak dihasut oleh pihak tertentu.

Katanya, semua rancangan pembangunan yang dibentangkan seperti Rangka Rancangan Jangka Panjang ketiga (RRJP3) dan RM-8 adalah untuk kebaikan rakyat.

“Kalau rakyat tidak di-

hasut, saya percaya rakyat akan terima. Semua ini adalah untuk kebaikan rakyat, tapi akan ada hasutan, akan ada orang melempar fitnah untuk menyuruh rakyat supaya jangan terima, ini cerita lama,” katanya.

Dr Mahathir berkata, sudah menjadi cara bagi pihak berkenaan menghalang dan menimbulkan tentangan setiap kali kerajaan hendak melakukan sesuatu yang baik.

“Ini cara mereka, kita buat apapun, macam itulah tapi umumnya rakyat di Malaysia cukup bekerjasama, melainkan kalau mereka dihasut,” katanya.

Ditanya bagaimanakah kerajaan akan mengatasi halangan itu, Dr Mahathir berkata masa dan tenaga terpaksa dihabiskan untuk memberi penjelasan kepada rakyat bagi melawan dakwah yang disebar ter-

– Dr Mahathir Mohamad hadap rancangan berkenaan.

“Kerana hasutan inilah, banyak benda terbengkalai,” katanya.

Dalam ucapannya, Perdana Menteri berkata pihaknya percaya segala yang dirancang dan diramalkan oleh kerajaan melalui RM-8 akan menjadi kenyataan dalam jangka masa lima tahun.

Beliau berkata, semua angka mengenai keadaan ekonomi yang dibentangkannya dalam RM-8 itu, termasuk peningkatan rizab asing negara kepada AS\$27 bilion (RM102 bilion) sekarang berbanding AS\$20 bilion (RM76 bilion) pada 1997, adalah sah dan bukan ciptaan.

“Tetapi ada pihak yang sanggup mendakwa kononnya ekonomi Malaysia rosak kerana pendekatan yang digunakan oleh kerajaan. Dakwaan ini sebe-

narnya mendedahkan kejahilan parti lawan.

“Seperti biasa, mereka tidak dapat membezakan antara yang baik dan buruk. Mata mereka dikaburi oleh kepentingan politik mereka. Namun, seperti kata pepatah Melayu “anjing menyalak bukit, bukit tidak akan runtuh”, katanya dengan menerima tepukan gemuruh penyokong kerajaan.

Sementara itu Dr Mahathir juga mengumumkan kerajaan memperuntukkan RM110 bilion untuk membiayai projek RM-8, dengan sektor ekonomi menerima peruntukan terbesar iaitu RM50.5 bilion atau 45.9 peratus.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, RM7.9 bilion atau 7.1 peratus pula ialah untuk sektor kecil pertanian, RM10.3 bilion (9.4 peratus) untuk perdagangan dan perindustrian, manakala pengangkutan dan komunikasi mendapat RM22 bilion (20 peratus).

Sektor sosial diberi RM37.5 bilion (34.1 peratus) dengan lebih separuh daripadanya untuk pendidikan dan latihan. Sektor keselamatan pula diperuntukkan RM10.8 bilion (9.8 peratus), manakala sektor

pentadbiran am RM11.2 bilion (10.2 peratus).

“Program pembangunan luar bandar akan ditumpukan kepada usaha untuk mengubah kawasan luar bandar supaya menjadi lebih kondusif kepada pelaburan serta membina kehidupan desa yang lebih menarik.

“Ini bagi membolehkan rakyat menikmati pelbagai kemudahan asas dan prasarana bermutu di samping perkhidmatan sosial yang lebih baik. Bagi menjayakan perubahan ini, kerajaan memperuntukkan RM13.2 bilion untuk program pembangunan luar bandar,” katanya.

Dr Mahathir berkata, sebahagian besar peruntukan itu akan disalurkan untuk pembangunan tanah, pembangunan sumber manusia dan pelaksanaan pelbagai prasarana fizikal dan sosial termasuk jalan luar bandar serta bekalan elektrik dan air.

Katanya, teras pembangunan prasarana dalam tempoh RM-8 itu adalah untuk menaikkan taraf dan menambah kemudahan prasarana terutama di kawasan kurang maju serta meningkatkan produktiviti dan kecekapan di luar bandar.